

## Bendera Hitam

Bila “Usamah bin Munqidh” masuk didapatinya

“Nasir bin Abbas” sedang di dalam kebingungan dan

ketakutan tidak tentu hala mundar-mandir kian kemari

dan sebentar duduk sebentar bangun di dalam biliknya.

Sekali-sekali ia kelihatan termenung berdiri di tingkap

bilik itu menyedut udara dari taman bunga yang berhadapan

dengan biliknya.

Terpegun sejenak Usamah melihat kejadian itu,

sambil kehairanan ditegurnya temannya itu tetapi tidak

mendapat jawapan bila didekati kelihatan Nasir menjauhkan

diri. Usamah lalu mendiamkan diri duduk di tilam

(tempat duduk) yang telah tersedia di situ tidak lama kemudian

ia bersuara:

“Tuan hamba yang meminta supaya hamba segera datang

ke sini, setelah hamba tiba tuan hamba nampaknya seperti

tidak senang hati, adakah kedatangan hamba memeranjatkan

tuan hamba atau tidak menyenangkan tuan hamba? Kalau demikian

biarkanlah hamba pulang.”

Tiba-tiba Nasir segera mendapatkan temannya Usamah

itu serta berharap sangat supaya jangan

segera pulang:

“Sahabatku Usamah! Janganlah tuan hamba

meninggalkan hamba keseorangan, ada sesuatu yang hamba

hendak katakan kepada tuan hamba, hamba hampir sahaja

akan melakukan suatu pekerjaan yang ngeri kerana

itulah hamba meminta fikiran daripada tuan hamba.”

“Pekerjaan ngeri apakah yang akan tuan hamba

lakukan itu?”

‘Sahabatku! Hamba sebenarnya sedang di dalam

kebingungan, hamba tidak tahu mana satu yang patut

hamba lakukan, adakah hamba akan membunuh ayah hamba

sendiri atau akan berpaling tадah menyalahi titah perintah

baginda al-Zāfir?”

“Hamba tidak faham apa maksud tuan hamba.”

“Begini tuan hamba, hamba telah diperintahkan oleh

baginda ‘al-Zāfir bi Amr Allah’ hari ni supaya membunuh

ayah hamba.”

“Hamba tidak setuju dengan perintah itu.”

“Tetapi adakah tuan hamba telah menyanggupinya?”

“Ya! hamba telah menyanggupinya.”

“Tuan hamba bodoh, tidak tahu mengenang budi,

tidak sedarkan tuan hamba apa yang telah dilakukan oleh

baginda al-Zāfir terhadap tuan hamba? Hingga tuan hamba

tergamak hendak membunuh orang yang telah menyebabkan tuan hamba

hidup di dunia ini?”

“Ya! Selama ini baginda telah banyak berbuat baik

terhadap hamba dan telah mengurniakan beberapa kurniaan kepada

hamba kerana itu tidak sepatutnya hamba menyalahi segala

titah perintahnya.”

“Benar! Baginda telah mengurniakan berbagai kurnia kepada

tuan hamba, tetapi tahukah tuan hamba selama ini tuan hamba

telah dijadikan olehnya benar-benar seperti abdi, dijadikannya tuan hamba seorang pemuda yang telah rosak akhlaknya, kini tuan hamba akan diajadikannya pula seorang pembunuh menghisap darah ayahnya sendiri.”

“Dengarlah tuan hamba!”

“Dengarlah sahabatku Nasr! Tuan hamba boleh menjadi pembunuh, tetapi janganlah ayah sendiri yang tuan hamba bunuh, bunuhlah orang yang memerintahkan tuan hamba membunuh ayah tuan hamba.”

Usamah keluar dari bilik pemuda yang sedang di dalam kebingungan itu dan segera ia menemui Abbas al-Dahājī ayah Nasir pemuda yang sedang bingung itu, lalu diceritakan kepadanya apa yang baharu sahaja berlaku tadi.

“Al-Zāfir bi Amr Allah” ialah salah seorang raja daripada kerajaan Fātīmiyyin, iaitu kerajaan yang dibangsakan kepada Siti Fatimah puteri Rasulullah (S.A.W) yang telah berkuasa di negeri Mesir dari sejak masa Khalifah al-Mutī' bin al-Muqtadir, dari kerajaan Bani ‘Abbas yang memerintah dari tahun 334 hingga 363 Hijrah.

Kerajaan Fātīmiyyin yang didirikan oleh golongan keturunan Saiyidina Ali bin Abi Talib (suami Siti Fatimah) yang bertujuan menumbangkan kerajaan Bani ‘Abbas telah dapat merampas kuasa di Mesir daripada tangan keturunan Ikhṣyid yang telah lama berkuasa di Mesir dengan dipelopori oleh kepala perang pihak Fātīmiyyin yang bernama “Jawhar” pada tahun 358 Hijrah. Pemerintahan Fātīmiyyin berlanjutan turun-temurun sampai ketahun

658 Hijrah.

Al-Zāfir dikatakan memerintah dan menaiki takhta

kerajaan Fātīmiyyin di Mesir pada tahun 544 Hijrah bersamaan 1149 tahun Masihi, dan di zaman pemerintahannya ia telah melantik Abbas al-Dahājī menjadi Perdana Menteri, sedang anak Perdana Menteri Abbas yang bernama Nasir yang sebaya dengan Khalifah al-Zāfir telah menjadi seorang teman akrab yang dikasihi oleh khalifah, ia amat dimuliakan melebihi daripada orang-orang besarnya yang lain.

Pada suatu hari khalifah telah mengurniakan kepada

Nasir kurniaan-kurniaan yang tidak ternilai harganya termasuk dua puluh ketul perak dan wang emas sebanyak dua puluh ribu dinar dan akhirnya telah dilantik menjadi gabenor di daerah Galout berhampiran dengan Kaherah.

Rupanya disebalik segala pengurniaan harta dan pangkat itu ada berudang disebalik batu, Khalifah al-Zāfir yang telah merasa bahawa pengaruh Perdana Menterinya Abbas melebihi daripadanya di kalangan rakyat. Ia mencari jalan untuk menyingkirkan Abbas, untuk memecatnya ia khuatir dan takut, lalu ia mencari jalan lain untuk menyingkirkannya iaitu dengan cara membunuhnya di tangan anaknya sendiri.

Si anak (Nasir) yang telah termakan budi hampir-hampir

sahaja akan membunuh ayahnya, tetapi berasib baik ia telah meminta nasihat dan fikiran daripada sahabatnya Usamah bin Munqidh al-Kinānī, seorang penyokong dan pejuang yang telah banyak jasanya pada mendirikan kerajaan Fātīmiyyin. Dengan tidak berselindung-selindung lagi Usamah telah menempelak sahabatnya itu dan ia tidak menghiraukan sama ada segala kata-katanya itu akan diterima dengan baik oleh sahabatnya itu atau sebaliknya.

Nasir setelah ditinggalkan oleh temannya yang setia  
itu ia masih lagi di dalam kebingungan dipertimbangkan

lagi segala kata-kata pedas yang diucapkan oleh sahabatnya

sebenar tadi. Akhirnya ia menyebelahi fikiran sahabatnya

itu ia tidak akan membunuh ayahnya yang telah menyebabkan ia

hidup di muka bumi ini dan ia tetap akan membunuh

orang yang berhati busuk memerintahkan anak membunuh ayahnya.

Pada suatu hari ia meminta supaya Khalifah al-Zāfir

mengunjungi tempat kediamannya, kerana sesuatu rundingan

yang perlu dirundingkan antara empat mata sahaja.

al-Zāfir yang telah menaruh sepenuh-sepenuh kepercayaannya kepada pemuda

yang telah dipengaruhinya itu tidak sedikit pun menaruh

syak wasangka, dengan tidak ditemani oleh juru iringnya,

al-Zāfir segera mengunjungi ke tempat kediaman Nasir,

sampai sahaja ke tempat kediamannya segera dihelanya badan

Al-Zāfir lalu dikoyakkan dada khalifah itu dengan khanjar

yang telah terhunus di tangannya. Khalifah yang berhati kejam

itu terbunuh dengan secara kejam seperti rancangannya

yang telah dipertahankannya.

Setelah ditanam mayat mangsanya itu, Nasir segera

menjumpai ayahnya dan dengan megahnya ia menceritakan kepada

ayahnya apa yang telah dilakukannya, ayahnya segera pergi

ke istana diiringi oleh pasukan tentera lalu

diperintahkan supaya menangkapi semua penyokong-penyokong al-Zāfir

dan orang-orang yang berkaitan serta yang amat mengetahui segala

rancangan-rancangan jahat khalifah itu, mereka ditangkapi itu

lalu disembelih dan dibunuh semuanya.

Setelah peristiwa berdarah itu berlaku Perdana

Menteri Abbas lalu mendukung Putera Mahkota anak

al-Zāfir dan disemayamkan di atas singgahsana lalu

dilantik menjadi khalifah menggantikan ayahnya bergelar

“al-Fā’iz li Nasr Allah”. Khalifah kerajaan Fāṭimiyyin yang

baharu berumur lima tahun ini sudah tentu mengharapkan

pimpinan dalam segala-galanya kepada Perdana Menteri Abbas,



Ahli-ahli jawatankuasa “*Lujnah at-Talabah*  
*Madrasah al-‘Atīas*” Johor Bahru,  
bergambar ramai selepas mengadakan Mesyuarat  
Agung kali yang kedelapan pada 28.3.63  
yang lalu. Pengenalan: Duduk di tengah-tengah saudara  
Ariffin bin Haji Nor (Yang Dipertua)  
di sebelah kanannya saudara Muhammad Saleh  
bin Satat (Naib Yang Dipertua) di sebelah  
kirinya saudara Muhammad Qasim  
(Setiausaha).

peristiwa tersebut berlaku pada tahun 549 Hijrah

bersamaan tahun 1154 Masihi.

Perdana Menteri Abbas menyangka segala-galanya telah

selesai, kerana ia telah berjasa melantik Putera Mahkota

menjadi khalifah menggantikan al-Zāfir? Dengan demikian

ia telah mendapat kuasa penuh dan lebih berleluasa lagi

daripada di zaman pemerintahan al-Zāfir *bi Amr Allah*. Kuasa

pemerintahan keseluruhannya akan berada di dalam gengamannya.

Tidak terfikir sedikit jua pun bagaimana

dendam wanita-wanita terutama permaisuri isteri khalifah

dan isteri menteri-menteri dan pembesar-pembesar negeri yang telah

menjadi korban peristiwa berdarah itu.

Wanita-wanita tersebut dalam diam-diam mengadakan permufakatan

untuk menuntut bela, mereka telah mencapai kata sepakat

mengunting rambut mereka dijalin dan dipintal rapi

lalu dikirimkan kepada sahabat khalifah al-Zāfir yang

memerintah di daerah yang berjiran bernama “Salih Tala’i”

dan diceritakan kepadanya perihal yang telah berlaku dalam

negeri. Mengetahui segala yang berlaku itu dengan tidak

membuang masa lagi Salih Tala’i telah keluar dari

negerinya menuju Mesir dengan satu angkatan perang yang

bukan sedikit jumlahnya.

Sampai sahaja ke Mesir mereka terus menyerang

istana, seluruh istana gempar oleh kejadian yang tidak

disangka-sangka itu, Perdana Menteri Abbas dan beberapa orang

pembesar negeri dan pengikut-pengikutnya telah mempertahankan diri

seberapa terdaya, tetapi setelah mereka mengetahui bahawa

jumlah musuh yang membuat serangan itu berlipat ganda lebih

besar daripada jumlah mereka yang tidak bersedia lebih dahulu,

Abbas berazam melarikan diri bersama keluarga dan

segala harta bendanya menuju ke negeri Syam. Akan hal

Usamah al-Kinānī pula berbelah bahagi hatinya untuk

menerima pelawaan supaya turut sama dengan keluarga

Perdana Menteri Abbas, tetapi Perdana Menteri itu

kerana takutkan Usamah akan berpaling tадah ia memaksa

Usamah supaya turut sama dalam rombongannya melarikan

diri.

Mereka tidak menyangka bahawa segala penjuru istana

telah dikepung oleh musuh, bila keluar sahaja rombongan

Perdana Menteri untuk melarikan diri dengan mudah mereka

dapat ditawan, tetapi walau bagaimanapun Perdana Menteri

yang cerdik itu dapat meloloskan diri dari kepungan

musuh diikuti oleh Usamah dan orang-orangnya yang setia

itu.

Pergolakan politik yang hebat itu berlaku dalam

kerajaan Fātihiyyin di Mesir pada musim panas tahun

549 Hijrah iaitu setelah beberapa minggu berlakunya

peristiwa berdarah yang berpunca daripada terbunuhnya khalifah

al-Zāfir *bi Amr Allah*.

Perdana menteri Abbas dengan anaknya Nasir dan

pengikut-pengikutnya yang setia Usamah dapat melarikan diri

ke padang pasir “Sina” kemudian sampai mereka

ke kawasan *Shariq al-Urdun* (Jordan) untuk

meneruskan perjalannya menuju ke negeri Syam, tetapi

di sana mereka terkepung oleh angkatan Tentera Salib (Kristian) dan berlakulah pertempuran antara orang-orang Perdana Menteri Abbas dengan Tentera Salib, di medan pertempuran tersebut Usamah dapat melarikan diri, Perdana Menteri Abbas terbunuh dan Nasir tertawan.

Salih Tala'i' telah mendapat sambutan baik daripada orang-orang Mesir, ia dengan angkatan perangnya yang terdiri kebanyakannya daripada penunggang-penunggang kuda hitam, memakai baju serba hitam dengan mengibarkan bendera-bendera hitam, di antara mereka itu ada yang membawa tombak-tombak yang dililit dengan rambut-rambut wanita yang terjalin rapi sebagai tanda bahawa angkatan itu adalah dari angkatan perang yang diketuai oleh Tala'i' yang menyempurnakan panggilan meminta bantuan dari keluarga Khalifah al-Zāfir yang teraniyai itu.

Tidak puas hati dengan kemenangan yang telah didapatinya, Salih Tala'i' terus-menerus mencari dan mengejar Nasir dan Abbas dua beranak yang menjadi punca dan menyebabkan peristiwa berdarah itu berlaku.

Bila mereka mengetahui bahawa Abbas telah mati terbunuh dan anaknya Nasir tertawan di perkhemahan tentera-tentera Salib, malahan berita yang terakhir sekali mereka dapat mengatakan Nasir telah murtad dan memeluk agama Kristian meninggalkan agama datuk neneknya sebagaimana mudahnya ia berpaling tadaah memusuhi khalifahnya al-Zāfir dahulu, segera Salih Tala'i' menghatar utusan kepada pihak Tentera Salib supaya dapat menyerahkan Nasir kepada pihak yang menang dengan ditawarkan wang tebusan sebanyak enam puluh ribu dinar. Mendengar jumlah wang tebusan yang begitu banyak pihak Tentera Salib segera menyerahkan Nasir kepada

pihak yang berkuasa di Mesir untuk menerima wang tebusan itu.

Kesampaian Nasir di Mesir diterima oleh pihak Salih Tala'i' dengan suacita, dengan kaki dan tangan terbelenggu Nasir lalu diserahkan kepada wanita-wanita di istana, wanita-wanita yang telah lama menunggu-menunggu kedatangan Nasir yang didendamnya selama itu, dengan tidak membuang masa lagi mereka berkejaran-kejaran dahulu-mendahului mendapatkan pemuda yang telah diidam-idamkan itu lalu memukulnya dengan selipar, kasut dan dengan apa sahaja yang didapatinya mereka, hingga koyak-rabak baju dan badan pemuda itu dan akhirnya pemuda itu mati dalam keadaan paling dahsyat sekali, mayatnya kemudian disula berhampiran dengan pintu gerbang istana.

Wanita-wanita istana itu sangat puas hati dengan apa yang telah dilakukan mereka setiap saat mereka melihat mayat yang disula mereka di pintu gerbang istana dengan wajah yang berseri-seri mereka itu memakai pakaian-pakaian hitam dengan mengibarkan bendera-bendera hitam.

(Dari buah pena Habib Jamati)



Sudah Siap:

### PERSURATAN MELAYU III

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam: